

26 NOV 1996

KUTIPAN IWK DIUNJUR PADA RM75 JUTA 1997 DAN RM328 JUTA 1998

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) meramalkan kutipan bayaran pembedungan berjumlah RM75 juta tahun depan dan RM328 juta dalam tahun 1998.

Unjuran itu berasaskan kadar baru dan andaian 95 peratus pelanggan membayarnya, kata Pengerusi Eksekutif Datuk Wan Adli Wan Ibrahim hari ini.

Syarikat itu yang telah ditawarkan penswasataan sistem pembedungan air negara dalam bulan Disember 1993 telah membelanjakan RM480 juta bagi tempoh 1994-96.

Bercakap pada sidang berita berkaitan dengan pelaksanaan kajian semula kadar IWK mulai 1 Jan 1997, beliau menyatkan syarikat itu telah mengeluarkan bil berjumlah RM290 juta bagi bayaran pembedungan melalui Jabatan Bekalan Air.

Jabatan itu telah memungut RM110 juta, yang mana RM73 juta telah diterima oleh IWK sehingga kini, kata beliau.

Wan Adli menyatakan bersesuaian dengan kajian itu yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, IWK akan memansuhkan kesemua bayaran pembedungan dan yang tertunggak sebelum 1 Jan, dan mengkreditkan kesemua bayaran untuk bil yang akan datang.

Beliau menyatakan IWK telah komited untuk melaburkan semula sebahagian besar pendapatannya bagi tempoh 20 tahun pertama untuk mempertingkatkan sistem pembedungan negara.

Konsesi IWK adalah bagi 28 tahun bermula dari tahun 1994 tetapi kerana keputusan untuk memansuhkan bayaran dan tunggakan sebelum 1 Jan 1997 itu, IWK telah diberikan tambahan konsesi dua tahun lagi.

Wan Adli menyatakan IWK menyenggarakan lebih dari 3,600 loji rawatan pembedungan awam, penjagaan paip pembedungan sepanjang 4,700 kilometer, 157 stesen pam dan tiga makmal untuk mengawasi dan menguji bahan kumbahan.

Ia mula memikul tanggungjawab tersebut daripada pihak-pihak berkuasa tempatan kecuali Sabah, Sarawak, Kelantan dan Johor Baharu dalam bulan April 1994.

Setakat ini IWK belum lagi mengenakan bayaran kepada pengguna di Terengganu, Kedah, Pahang, Johor dan Labuan.

Wan Adli menyatakan IWK berharap untuk membincangkan perkara itu dengan pihak berkuasa Johor Baharu untuk mengambil alih sistem pembedungan negeri itu.

IWK juga merancang untuk mengambil alih loji rawatan pembedungan yang dikendalikan oleh pemaaju hartanah dan kontraktor, kata beliau. -- BERNAMA

JR RIF